

Kontinjen Pahang sasar 33 emas

Asrol Awang

sukanteam@nstp.com.my



WAN Rosdy (tengah) bergambar bersama atlet Sukma Pahang di Dataran Esplanade.
FOTO Farizul Hafiz Awang

Kuantan: Kontinjen Pahang menyasarkan 33 pingat emas pada temasya Sukan Malaysia (Sukma) XX MSN 2022 yang berlangsung dari 16 hingga 24 September ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, negeri itu juga meletakkan sasaran untuk meraih 20 perak dan 46 gangsa.

Katanya, antara acara sukan yang dijangka menyumbang emas buat kontinjen Pahang ialah menembak, silat, memanah, gimrama dan olahraga.

"Berdasarkan komitmen dipersembahkan atlet Sukma Pahang kali ini, kita optimis kontinjen Pahang akan berada dalam kedudukan lima terbaik.

"Daripada segi persediaan terutama latihan, kita sememangnya sudah sedia untuk memberikan persembahan terbaik terutama mencapai misi meraih 33 emas, 20 perak dan 46 gangsa.

"Kita serius dalam mencapai sasaran itu kerana mendapatkan khidmat jurulatih profesional untuk mencatat kejayaan terutama pingat emas.

"Saya harap semua atlet dapat mengekalkan fokus dan disiplin kerana jika mengikuti jadual ditetapkan dan arahan daripada pasukan, Pahang akan mendapat keputusan terbaik," katanya.

Wan Rosdy berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Sukma Pahang di Dataran Esplanade, di sini hari ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Pahang, Datuk Seri Mohd Johari Hussain.

Pada Sukma kali ini, Pahang menyenaraikan 450 atlet yang akan menyertai 29 acara. Terdahulu, ketika berucap pada majlis itu, Wan Rosdy mengumumkan pemberian `duit poket' berjumlah RM350 kepada setiap atlet Pahang yang bertanding pada temasya sukan itu.

Katanya, pemberian itu diharap membantu meningkatkan prestasi semua atlet yang bertanding dalam usaha mengharumkan nama Pahang pada temasya sukan itu. "Sebagai rakyat Pahang, saya meletakkan harapan tinggi supaya semua atlet menonjolkan bakat dan membuktikan bahawa negeri ini mampu melahirkan atlet hebat dan bertaraf antabangsa pada masa depan," katanya.

Pada Sukma 2018, kontinjen Pahang berada di kedudukan keenam selepas meraih 33 pingat emas, 20 perak dan 30 gangsa.

Disiarkan pada: September 1, 2022 @ 8:01pm
